

05/10/1999

RM2.4 juta untuk pencipta

PERADUAN Formula Malaysia yang terbahagi kepada enam kategori iaitu penulisan esei ilmiah, cerpen, fotografi, laman web, lukisan dan mencipta lagu menawarkan hadiah lumayan bernilai RM2.4 juta untuk dimenangi.

Hadiah pertama bagi setiap kategori bernilai RM150,000, kedua setiap kategori (RM100,000), ketiga setiap kategori (RM50,000) dan 100 hadiah saguhati (RM1,000).

Penyertaan akan disahkan MIDF Corporate and Consultancy Services Sdn Bhd, firma penjelasan saham bagi menjamin pelarasan setiap penyertaan dilaksanakan secara telus.

Semua penyertaan mesti menjelaskan konsep formula Malaysia, menyemarakkan semangat Malaysia Boleh dan meningkatkan apresiasi terhadap sejarah dan kejayaan Malaysia.

Karya yang dihantar mestilah sampai kepada penganjur sebelum 15 November ini dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan hadiah kepada pemenang pada 31 Disember ini.

Pelancaran Peraduan Formula Malaysia dianjurkan KUB Malaysia (KUB) manakala antara korporat yang menaja hadiah ialah Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), YTL Corporation Bhd, Kumpulan Sungei Way, Southern Bank Berhad, Sapura Group of Companies dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

(END)